

23 AUG 1996

Anwar-Kemboja

HENTIKAN CARI SALAH KAMI, ANWAR BERITAHU MEDIA BARAT

Oleh: Zulkefli Salleh

MANILA, 23 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini mengkritik media barat yang mencari salah terhadap pelabur Malaysia kerana melanggar peraturan di Kemboja dan Papua New Guinea.

Beliau mempersoalkan kenapa syarikat Australia yang memegang konsesi balak di PNG sejak berpuluh tahun tidak disentuh oleh media barat tetapi apabila syarikat Malaysia mengambil alih konsesi balak itu, mereka dengan segera mencari salah terhadapnya.

Anwar membangkitkan perkara itu dalam satu persidangan berita apabila ditanya oleh seorang wartawan barat mengenai kebimbangan terhadap apa yang dipanggil "Malaysia Yang Lebih Besar" dari segi ekonomi yang dikatakan sedang diusahakan oleh Malaysia di negara Indochina itu.

Anwar yang kemudiannya berlepas pulang ke Kuala Lumpur telah berada di sini untuk lawatan kerja selama tiga hari sempena perayaan Seratus Tahun Revolusi Filipina dan menghadiri mesyuarat Kumpulan Asia Tenggara Selepas tahun 2000.

Beliau menyifatkan sikap media barat ini sebagai satu niat untuk memperkecilkan Asia Tenggara atau negara-negara Asia.

"Saya bukan memilih untuk mempertahankan ahli-ahli perniagaan kami. Ahli perniagaan adalah ahli perniagaan, kadang-kadang mereka ikut undang-undang dan kadang-kadang mereka melanggarnya," kata beliau.

Anwar berkata apa yang diperlukan ialah penyeliaan yang cukup.

"Tetapi satu kelebihan di Malaysia ialah kami berbuat begini, saya fikir banyak negara yang tidak buat ini, iaitu memanggil mereka untuk memberi amaran atau memarahi mereka," kata beliau.

Inilah sebabnya kerajaan-kerajaan lain yakin dengan Malaysia dan ahli perniagaannya.

"Tetapi apa yang membimbangkan saya ialah ini, sebaik saja syarikat Malaysia mengambil alih konsesi balak di PNG, kesemua media menyerang kami. Syarikat itu dipunyai seorang Australia sejak berpuluh tahun dan tidak pernah menjadi isu.

"Semasa ia dipunyai oleh orang putih dan melanggar undang-undang, ini dibolehkan. Sebaik saja ia diambil alih oleh orang Indio (Asia) ia salah.

"Saya ingin berkata, saya bukan mempertahankan sama ada ia orang putih atau Indio, sekiranya awak melakukan kesalahan, salah dari segi moral, maka awak salah," kata beliau.

Katanya kerajaan Malaysia telah memanggil ahli-ahli perniagaannya yang melanggar peraturan di luar negara dan meminta mereka berhenti dari berbuat demikian.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan, berkata dalam hal Kemboja, selepas bercakap dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai perkara itu, beliau sendiri telah berbincang dengan pemimpin-pemimpin negara itu untuk memikirkan apa yang patut dibuat.

Beliau juga menjelaskan bahawa pendukung-pendukung Asia Tenggara 10 dan Rundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) tidak pernah berhasrat untuk menjadi Asia Tenggara atau Asia Timur tertutup.

"Kami menentang sikap suka memperkecilkan orang lain dengan cara baik. Kami menentang sikap selamba dan percubaan untuk menggugat ekonomi ataupun menguasai kami," kata beliau.

Anwar berkata inilah sebabnya Asia Tenggara memerlukan ASEAN yang kuat dan bersatu dan kerjasama yang berkesan antara ekonomi Asia Timur. --

BERNAMA

ZKS WAT